



Rujukan Kami : 100-PUU (1/5)  
Tarikh : 15 Disember 2021

Rektor UiTM Cawangan  
Dekan-Dekan Fakulti  
Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit

Y.Bhg Dato'/Datuk/Datin/Prof./Dr./Tuan/Puan

**PENGAKTIFAN PENGGUNAAN SISTEM “NETWORKED INTEGRATED LEGAL AFFAIRS MANAGEMENT SYSTEM” (NILAMs) BAGI TUJUAN HAL EHWAL DOKUMEN PERUNDANGAN PERINGKAT UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)**

Dengan segala hormatnya perkara diatas adalah dirujuk.

2. Untuk makluman semua, pihak Pejabat Penasihat Undang-Undang telah membangunkan sistem rangkaian bersepada dikenali sebagai *Networked Integrated Legal Affairs Management System (NILAMs)* untuk urusan draf dan semakan semua dokumen perundangan di peringkat UiTM. Sistem ini telah sedia untuk digunakan dan diaktifkan secara online dalam masa yang terdekat.

3. Sehubungan dengan itu, sila ambil maklum sebarang urusan yang berkaitan dengan dokumen perundangan seperti Memorandum Perjanjian (MoA), Memorandum Persefahaman (MoU), Non-Disclosure Agreement (NDA), Letter of Intent/Agreement (LoI/LoA) dan lain-lain akan menggunakan sistem tersebut sepenuhnya. Oleh itu, pihak Pejabat Penasihat Undang-Undang tidak lagi menerima dokumen perundangan secara bersurat (hard copy) atau melalui emel.

4. Oleh yang demikian, pihak Y.Bhg Dato'/Datuk/Datin/Prof./Dr./Tuan/Puan dimohon untuk menggunakan sistem NILAMs ini berkuatkuasa dari **1 Januari 2022**.

5. Sebarang pertanyaan, pihak Y.Bhg Dato'/Datuk/Prof./Tuan/Puan boleh menghubungi Prof Madya Dr Haswira Nor Mohamad Hashim, Pengurus Projek NILAMs di talian 03-55443481 atau emel [haswira648@uitm.edu.my](mailto:haswira648@uitm.edu.my).

Kerjasama dan perhatian Y.Bhg Dato'/Datuk/Prof./Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Yang benar

**PROF. DR. HAIDAR DZIYAULDIN**  
Penasihat Undang-Undang Universiti

Hd/nam

Pejabat Penasihat Undang-Undang  
Aras 6, Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin  
Universiti Teknologi MARA  
40450 Shah Alam, Selangor, MALAYSIA  
Tel : (+603) 5544 3366/3469  
Faks : (+603) 5544 3480



ISO 9001:2015 No. Sijil: 10120156

